

PESANAN LHDNM

Menjelang Tahun 2018

Sinopsis

Tahun 2017 bakal melabuhkan tirainya. Kebiasaannya, banyak persediaan yang perlu dilakukan bagi menghadapi tahun baharu. Begitu juga dengan mereka yang telah layak dikenakan cukai, banyak yang perlu disediakan bagi memudahkan penghantaran Borang Nyata Cukai Pendapatan Tahun Taksiran 2017 secara e-Filing pada tahun 2018 nanti.

Soalan 1:

Sebagai seorang rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, apakah yang seharusnya dilakukan oleh setiap daripada kita?

Jawapan:

- Menjadi seorang rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, kita seharusnya menilai kembali apa yang kita lafazkan dalam Ikrar Rukun Negara yang keempat iaitu Kedaulatan Undang-undang
- Sekiranya kita semua patuh kepada undang-undang negara, sudah pasti kita akan patuh kepada setiap apa yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita
- Jika kita patuh kepada undang-undang jalan raya, sudah tentu kemalangan jalan raya contohnya dapat dikurangkan
- Begitu juga dengan undang-undang dalam percukupan, jika pembayar cukai patuh sudah pasti mereka akan menjadi seorang pembayar cukai yang bertanggungjawab
- Kebiasaannya, apabila menjelang tahun baharu, sudah pasti orang akan bertanya apa azam baru kita
- Bagi LHDNM pula, azam kami adalah untuk memastikan semua pembayar cukai patuh kepada Undang-Undang Percukupan dan menjadi pembayar cukai yang bertanggungjawab
- Pastikan pembayar cukai membuat persediaan awal sebelum tibanya Musim e-Filing Tahun Taksiran 2017 yang akan bermula pada 1 Mac 2018 nanti

Soalan 2:

Apakah tanggungjawab pembayar cukai?

Jawapan:

- Setiap individu yang boleh dikenakan cukai dikehendaki melaporkan kesemua pendapatan kepada LHDNM. Individu tersebut adalah bertanggungjawab untuk:
 - i) Daftar nombor cukai pendapatan
 - ii) Laporan pendapatan tahunan
 - iii) Bayar cukai

Soalan 3:

Apakah kriteria-kriteria bagi seseorang itu untuk mendaftar nombor cukai pendapatan?

Jawapan:

- Anda perlu mendaftar nombor cukai pendapatan sekiranya anda ialah seorang:
 - a) Individu berstatus bujang yang menerima pendapatan pengajian melebihi RM34,001 setahun (selepas potongan KWSP)
 - b) Individu berkahwin dan pasangan tidak bekerja yang menerima pendapatan pengajian melebihi RM46,001 setahun
 - c) Individu yang menjalankan perniagaan (walaupun perniagaan mengalami kerugian)
 - d) Pekerja baharu yang layak dikenakan Potongan Cukai Bulanan (PCB)



Soalan 4:

Adakah pembayar cukai perlu mengemukakan rekod, dokumen dan helaian kerja bersama Borang Nyata Cukai Pendapatan?

Jawapan:

- Pengiraan cukai tidak perlu menghantar rekod, dokumen dan helaian kerja bersama dengan BNCP; tetapi ianya hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun
- Pengiraan tempoh tujuh tahun adalah bermula dari akhir tahun dalam mana BNCP tersebut telah dikemukakan
- Pastikan anda menyimpan setiap resit perbelanjaan atau apa-apa dokumen berkaitan untuk tahun 2017 dengan baik sebagai persediaan mengemukakan BNCP pada tahun hadapan
- Contoh rekod, dokumen dan helaian kerja yang perlu disimpan untuk tempoh tujuh tahun adalah seperti:
 - a) Borang EA/EC
 - b) Baucar dividen
 - c) Resit premium insurans
 - d) Resit pembelian buku
 - e) Resit perubatan
 - f) Resit derma
 - g) Resit pembayaran zakat
 - h) Sijil kelahiran anak
 - i) Sijil nikah
 - j) Dokumen-dokumen sokongan lain
 - k) Helaian kerja (jika ada)

Soalan 5:

Bagi individu yang berpendapatan pengajian dan telah dikenakan Potongan Cukai Bulanan (PCB), perlukah mereka menghantar borang cukai?

Jawapan:

- Anda perlu menghantar borang cukai dengan melaporkan pendapatan tahunan yang diisi dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui aplikasi e-Filing sekiranya mereka tidak tertakluk di bawah PCB sebagai Cukai Mukatamad

Soalan 6:

Apakah perkara lain yang perlu dilakukan oleh pembayar cukai sebagai persediaan e-Filing pada tahun hadapan?

Jawapan:

- Peraka penting yang perlu disediakan oleh pembayar cukai untuk membuat e-Filing pada tahun hadapan adalah mendapatkan nombor pin
- Nombor pin ini sangat penting untuk membuat penghantaran BNCP menerusi e-Filing
- Jika belum, rujuk Cawangan LHDNM berdekatan anda

Soalan 7:

Pesan terakhir daripada LHDNM.

Jawapan:

- Pastikan anda menjelaskan baki bayaran cukai pendapatan yang sepatutnya dibayar sebelum 31 Disember 2017 bagi mengelakkan anda dikenakan sebarang tindakan undang-undang oleh LHDNM
- Pastikan kata laluan e-Filing anda juga telah siap sedia bagi e-Filing 2018
- Akhir sekali, pastikan anda menghantar BNCP secara e-Filing di www.hasil.gov.my pada tarikh yang telah ditetapkan iaitu:
 - a) Individu Berpendapatan Pengajian: Sebelum 30 April
 - b) Individu Berpendapatan Perniagaan: Sebelum 30 Jun
- Untuk maklumat lanjut, layari Portal Rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my atau hubungi HASIL Care Line di 1-800-88-5436
- Berazamlah untuk menjadi seorang pembayar cukai yang bertanggungjawab

SEBELUM TAHUN 2017 BERAKHIR, PASTIKAN ANDA :



Bayar tunggakan cukai pendapatan



Simpan rekod dan dokumen perbelanjaan

Selamat Menyambut Tahun Baru 2018